

## PENILAIAN STATUS HADITH DI ERA DIGITAL

Helimy Aris

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60166596824, E-Mel: helimy@usim.edu.my

Amran Abdul Halim, USIM  
A Irwan Santeri Doll Kawaid, USIM  
Zulhilmi Mohamed Nor, USIM  
Syed Najihuddin Syed Hassan, USIM  
Norzulaily Mohd Ghazali, USIM  
Mohd Fadzli Marhusin, USIM  
Norhidayah Azman, USIM  
Nurul Fathihin Mohd Noor Shah, USIM

### ABSTRAK

Penilaian status hadith sangat penting sebagai satu langkah berinteraksi dengan sunnah yang merupakan sumber kedua perundangan Islam. Tulisan ini bertujuan menjelaskan melalui kajian perpustakaan tentang kaedah penilaian status hadith di sisi sarjana hadith dan kewajarannya di era ICT dan digital. Kajian mengenai hal ini jarang dilakukan khususnya dalam bahasa melayu. Hasil kajian mendapati penilaian status hadith sama ada secara naqli, dirā`ī atau kombinasi kedu-duanya masih relevan dilakukan pada zaman digital dan ia semakin mudah dengan bantuan aplikasi digital hadith yang menjadi faktor proses penilaian dapat dilakukan dengan lancar dan cepat.

**Kata Kunci:** Penilaian Status Hadith, Interaksi Dengan Sunnah, Era Digital, Aplikasi Digital Hadith, Kajian Hadith Secara Digital.

### Pendahuluan:

Status hadith menjadi penentu sama ada sesebuah hadith itu boleh diterima sebagai hujah dalam hukum atau sebaliknya atau dalam erti kata yang lain, ia adalah Langkah pertama perlu diambil sebelum istinbat hukum daripada hadith. Dalam Ilmu Hadith, status hadith dibincangkan dalam ilmu berkaitan pembahagian hadith kepada maqbul dan mardud. Hadith maqbul ialah hadith yang diterima dan ia sama ada sahih atau hasan. Sementara hadith mardudu ialah hadith yang ditolak dan ia sama ada da'if atau mawdu'. Kesimpulannya, apabila disebut status hadith, ia sama ada sahih, hasan, da'if atau mawdu'. Sarjana hadith memiliki pendekatan yang tersendiri dalam menilai status sesebuah hadith.

### Kaedah menilai status hadith:

Pada zaman sahabat r.a, mereka menggunakan beberapa pendekatan dalam memastikan keaslian hadith Nabi s.a.w. Sebahagian mereka menggunakan kaedah penyaksian bagi membuktikan sesuatu hadith itu benar-benar diterima daripada Rasulullah s.a.w seperti yang dilakukan oleh Abu Bakr r.a dan Umar r.a. Sebahagian mereka meminta penyampai hadith bersumpah bagi memastikan dia benar-benar mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w. Ada yang memilih untuk tidak meriwayatkan hadith secara kerap kerana bimbang tersalah dalam menyampaikan ucapan Rasulullah s.a.w. Sebahagian mereka akan akhiri periwayatan mereka dengan ungkapan "atau sebagaimana yang diucapkan oleh Baginda" kerana bimbang termasuk

dalam kalangan mereka yang menyandarkan sesuatu yang tidak benar kepada Rasulullah s.a.w (al-Zahrānī, 1996). Apabila rangkaian sanad semakin bertambah dengan adanya generasi tābi`īn dan generasi-generasi selepas mereka, perhatian kepada ilmu sanad mula dititik beratkan dan sebahagian mereka mengungkapkan, bahawa sanad itu adalah sebahagian daripada agama. Jika tidak kerananya, sesiapa sahaja akan mendakwa sekehendak hatinya (Muslim, 1955). Apabila pengetahuan Ilmu hadith semakin berkembang dan pembukuan hadith semakin rancak, sarjana hadith telah membangunkan kaedah tertentu dalam menilai hadith. Terdapat tiga kaedah menilai status hadith seperti berikut (‘Abd al-Muḥdī, 2007):

1. Mengenal pasti status hadith secara naqli.
2. Menilai hadith secara dirā`ī atau dirasat al-Isnad atau i`tibār al-isnad.
3. Gabungan naqlī dan dirā`ī.

### **Mengenal pasti status hadith secara naqli:**

Kaedah ini bermaksud mencari dan menyatakan status hadith melalui penilaian yang telah dibuat oleh generasi terdahulu. Kaedah ini bergantung kepada hal-hal berikut:

Sumber yang pengarangnya hanya mengumpulkan kategori hadith tertentu seperti al-Ṣiḥāḥ dan al-Mawḏū`āt.

Kenyataan sarjana hadith tentang status hadith secara jelas (darajat maṣṣūḥah).

Sumber yang menilai hadith dengan metodologi tertentu.

Kaedah penilaian hadith secara naqli memerlukan pengetahuan tentang jenis-jenis sumber hadith, metodologi sarjana hadith dalam mengumpul dan menilai hadith. Semakin luas penguasaan seseorang tentang karya sarjana hadith dan metodologi mereka, semakin luas pengetahuannya tentang penilaian mereka.

### **Karya al-Ṣiḥāḥ:**

Sebahagian sarjana hadith telah berusaha mengumpulkan dan membukukan hadith-hadith ṣaḥīḥ secara berasingan. Karya-karya ini dikenali sebagai al-ṣaḥīḥ atau al-ṣiḥāḥ. Karya hadith yang diterima oleh semua sarjana hadith sebagai sumber hadith ṣaḥīḥ adalah al-Ṣaḥīḥān iaitu Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim. Ṣaḥīḥ al-Bukhari atau nama penuhnya al-Jāmi` al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Raṣul Allah wa Sunanih wa Ayyāmih adalah karya al-Imām Muḥammad Ibn Ismā`īl al-Bukhārī (meninggal tahun 256H). Ṣaḥīḥ Muslim atau nama penuhnya al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min al-Sunan bi Naql al-`Adl `an al-`Adl `an Raṣul Allah adalah karya al-Imām Muslim Ibn al-Ḥajjāj al-Naysābūrī (meninggal tahun 261H). Kedua-dua karya tersebut termasuk dalam kategori al-Jāmi` iaitu sejenis karya yang hadith-hadithnya disusun mengikut tema daripada pelbagai bidang. Walaupun terdapat sejumlah hadith mu`allaq dalam al-Ṣaḥīḥān beberapa hadith yang dipertikai oleh segelintir sarjana hadith, ia adalah isu terencil dan telah dibahas serta diteliti oleh sarjana hadith khususnya golongan shurrāḥ seperti al-Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-`Asqalānī (meninggal tahun 852H).

Sumber yang hampir dengan al-Ṣaḥīḥān dari segi kekuatan darjat hadithnya ialah al-Muwatṭa` karya al-Imam Mālik Ibn Anas (meninggal tahun 179H) pengasas Mazhab Maliki.

Selain tiga sumber ini, terdapat beberapa lagi karya dalam kategori al-Ṣiḥāḥ seperti Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān, al-Aḥadith al-Mukhtārah karya al-Ḍiyā` al-Maqḍisi dan al-Muntaqā karya Ibn al-Jārūd. Sebahagian sarjana hadith memasukkan al-Mustadrak `alā al-Ṣaḥīḥāyn karya al-Ḥākim al-Naysābūrī dan al-Mustakhrajāt dalam kategori al-Ṣiḥāḥ (Abd al-Muḥdī, 2007).

Adalah penting mengetahui karya-karya al-Ṣiḥāḥ ini disebabkan para pengarangnya hanya memasukkan hadith yang ṣaḥīḥ sahaja dalam karya mereka. Hal ini bermakna apabila seseorang pengkaji menemui hadith yang dicarinya dalam al-Ṣiḥāḥ, ia adalah berstatus ṣaḥīḥ menurut pengarangnya.

**Karya-karya yang mengandungi penilaian sarjana hadith:**

Karya-karya yang menghimpunkan penilaian sarjana hadith terlalu banyak untuk dihitung. ‘Abd al-Muḥdī (2007) telah menyenaraikan lebih daripada seratus rujukan yang mengandungi penilaian sarjana hadith terhadap status hadith. Namun, secara umumnya ia boleh dibahagikan kepada enam kategori seperti berikut:

Sumber utama hadith.

Al-Shurūh.

Al-Takhrīj.

Al-Zawā`id.

Al-‘Ilal.

Al-Tarājim.

Sebahagian sarjana hadith yang membukukan hadith turut mengulas tentang status hadith seperti Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā`ī, al-Bayhaqī, al-Dāruqutnī, al-Ḍiyā` al-Maqdisī, Ibn Khuzaymah dan al-Ḥākim al-Naysābūrī. Abu Dāwūd tidak memasukkan dalam Sunan beliau hadith perawi yang disifatkan sebagai matrūk al-ḥadīth. Jika terdapat hadith *munkar*, tidak saḥīḥ sanadnya beliau akan menjelaskannya. Jika tiada ulasan daripada beliau terhadap sesuatu hadith dalam al-Sunan, ia bermakna hadith tersebut boleh dijadikan sebagai hujah atau sokongan (Abu Dāwūd, t.t). al-Tirmidhi (1996) pula menilai hadith dalam Sunannya dengan istilah seperti: “Ḥasan, ḥasan saḥīḥ, ḥasan saḥīḥ gharīb”. Beliau juga memperkatakan tentang perawi hadith dan menyebut secara umum al-shawāhid melalui kenyataannya: “Dalam bab ini turut diriwayatkan hadith sifulan...”.

Al-Nasā`ī jug kadang-kala menilai hadith, perawi dalam Sunannya (Biqā`ī, 2009). Beliau terkenal dengan pendekatan yang ketat dalam menilai dan meriwayatkan hadith sehingga sebahagian sarjana hadith menamakannya Sunannya sebagai al-Ṣaḥīḥ (al-Sakhāwī, 1993).

Golongan yang menghuraikan maksud hadith atau disebut shurrāḥ al-ḥadīth turut melakukan takhrij dan menilai hadith dalam huraian mereka. Hal ini boleh dilihat dalam tulisan al-Khaṭṭābī (1998) dan dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (1959).

buku-buku takhrij pada kebiasaannya mengandungi penilaian status hadith. Para sarjana hadith terdahulu dan mutakhri melakukan takhrij dengan tujuan untuk menjelaskan sumber dan status hadith khususnya yang terdapat dalam sumber bukan hadith seperti buku-buku fiqh, tafsir, adab atau sumber skunder hadith yang menghimpunkan hadith tanpa sanad. Contoh rujukan takhrij yang berguna dalam mengenal pasti status hadith ialah Naṣb al-Rāyah karya Jamāl al-Dīn al-Zayla`ī (1997), al-Mughnī karya al-‘Irāqī (2005), Talkhīṣ al-Ḥabīr karya Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (2007). Sebahagian sarjana hadith yang mengimpunkan hadith dalam tema-tema tertentu turut menilai statusnya seperti yang dilakukan oleh al-Mundhirī (1968) dalam al-Targhīb wa al-Tarhīb, al-Nawāwī dalam Riyāḍ al-Ṣāliḥīn (2007), al-Azkār (1994) dan al-Arba`ūn al-Nawawīyah (2009). Al-Mundhirī sendiri dalam menilai hadith menggunakan metodologi tertentu dan ia telah dinyatakan pada bahagian awal bukunya.

Al-Zawā`id ialah buku yang menghimpunkan hadith sumber tertentu yang dilihat memiliki ciri hadith tambahan berbanding al-Kutub al-Sittah seperti ia mengandungi hadith yang tiada sama sekali pada al-Kutub al-Sittah, hadith yang sama tetapi mengandungi tambahan pada sebahagian lafaz atau sanad atau melalui jalur yang berbeza (al-Darwīsh, 2013). Contoh rujukan al-zawā`id ialah Majma` al-Zawā`id wa Manba` al-Fawā`id karya Nur al-Dīn al-Haythamī. Penilaian al-Haythamī (1994) biasanya lebih tertumpu kepada autoriti perawi berbanding aspek-aspek lain. Contoh lain rujukan al-Zawā`id ialah Miṣbāḥ al-Zujājah fī

Zawā'id Ibn Mājah karya al-Būṣīrī. Selain menyebut hadith tambahan yang terdapat dalam Sunan Ibn Mājah, al-Būṣīrī (1982) juga menilai statusnya yang boleh diambil manfaat oleh pengkaji.

Al-'Ilal ialah sumber yang menghimpunkan hadith-hadith yang mengandungi kecacatan tersembunyi tetapi menjejaskan status hadith atau disebut 'illah (al-Kattānī, 2000). Pengarang al-'ilal biasanya akan menyebut hadith dan menjelaskan kecacatan yang terdapat padanya. Hal ini boleh dianggap sebagai penilaian terhadap status hadith disebabkan kebanyakan 'illah yang dinyatakan menyebabkan hadith menjadi da'if dan tidak boleh dikuatkan dengan sebarang mutābi' atau shāhid. contoh al-'ilal ialah 'Ilal Ibn Abī Ḥātim dan al-'Ilal al-Wāridah fi al-Aḥādīth al-Nabawīyah karya al-Dāruqūṭnī.

Al-Tarajim ialah sumber yang menghimpunkan biografi perawi hadith atau juga rijāl al-ḥadīth. Ada berbagai-bagai bentuk kutub al-tarājim. Antara contoh buku al-tarājim yang banyak menilai status hadith ialah al-Kāmil fi Du'afā' al-Rijāl karya Ibn 'Adī. Beliau memiliki metodologi tersendiri dalam menilai perawi iaitu dengan melihat kepada komentar ahli al-jarḥ wa al-ta'dīl dan penilaian beliau sendiri terhadap hadith-hadith perawi terbabit (Ibn 'Adī, 1997). Hal ini membantu pengkaji hadith untuk mengetahui status hadith menurut Ibn 'Adī.

### **Pandangan sarjana hadith mutakhir tentang penilaian status hadith secara dirā'ī:**

Terdapat dua pandangan tentang hal ini seperti berikut:

#### **1. Pandangan Ibn al-Salah:**

Beliau berpandangan sukar menilai hadith pada zaman mutakhir – iaitu zaman beliau dan selepasnya – berdasarkan penelitian terhadap sanad atau disebut i'tibar al-isnad. Hal yang demikian adalah disebabkan sebahagian perawi yang meriwayatkan hadith hanya bergantung kepada catatannya berbanding hafalan yang menurut beliau merupakan syarat kesahihan hadith. Oleh itu, penilaian sesebuah hadith sama ada sahih atau sebaliknya hanya bergantung kepada kenyataan sarjana hadith terdahulu tentangnya (Ibn al-Ṣalāḥ, 2002). Pandangan ini mungkin didorong oleh sangkaan beliau bahawa tiada lagi hadith sahih yang tertinggal selepas al-Ḥākim al-Naysābūrī membukukan al-Mustadrak (Ibn Ḥajar, 1984). Sebahagian pengkaji berpendapat, ia disebabkan oleh pandangan Ibn al-Ṣalāḥ bahawa pintu ijtihad sama ada dalam fiqh mahupun hadith telah tertutup dan menilai hadith itu sebahagian daripada ijtihad (Aḥmad Shākir, 2013).

#### **2. Pandangan jumhur ahli hadith:**

Ia adalah pandangan al-Nawawi (1985), al-Iraqi (1969), Ibn Hajar al-'Asqalani (1984) dan lain-lain. Menurut mereka, harus menilai status hadith berdasarkan penilaian terhadap sanad. Dakwaan bahawa perawi perlu menghafal hadith yang diriwayatkan secara dasarnya bukan pegangan ahli hadith dahulu dan sekarang dalam menilai kesahihan hadith. Hal tersebut diakui sendiri oleh Ibn al-Salah Ketika membahaskan syarat hadith sahih yang mana beliau tidak menyebut salah satu daripadanya perawi perlu mengingati atau menghafal hadith. Menurut Ibn Ḥajar, terdapat kenyataan daripada sebahagian ahli fiqh yang terdahulu seperti Imam Malik yang jelas menunjukkan hadith hanya boleh diambil daripada perawi yang menghafal hadithnya. Namun, ia bukanlah amalan ahli hadith sejak dahulu lagi. Tambahan pula, kebanyakan perawi hadith selepas zaman sahabat dan tabi'in lebih bergantung kepada catatan mereka berbanding hafalan. Bahkan kebergantungan perawi kepada hafalan semata-mata tanpa merujuk kepada catatan merupakan salah satu faktor kepada al-wahm dan al-ghalaṭ dalam periwayatan. Apabila seseorang itu menyampaikan hadith daripada catatannya dalam keadaan dia menjaga catatan tersebut daripada terlepas ke tangan pihak lain, dia telah melakukan sesuatu yang sepatutnya bagi seorang perawi hadith (Ibn Ḥajar, 1984).

Pandangan yang mewajibkan generasi kemudian berpada dengan penilaian generasi terdahulu

menyebabkan ketidak tepatan dalam penentuan status hadith yang boleh dilihat dalam dua situasi iaitu:

1. Menganggap sahih sebahagian hadith yang tidak sahih disebabkan ia telah dinilai sahih oleh generasi terdahulu. Walhal, sebahagian hadith yang telah dinilai sahih oleh ahli hadith terdahulu ditemui ‘illahnya oleh generasi kemudian yang menyebabkan statusnya berubah kepada da’if. Selain itu, sebahagian generasi terdahulu tidak membezakan antara istilah sahih dan hasan yang menyebabkan tidak sedikit hadith yang dinilai sahih oleh mereka pada hakikatnya adalah hadith hasan (Ibn Hajar, 1984).

2. Menolak hadith yang memenuhi syarat hadith sahih disebabkan ia tidak dinilai sahih oleh generasi terdahulu. Walhal, terdapat banyak hadith yang dinilai sahih oleh generasi sezaman dan selepas Ibn al-Ṣalāḥ yang belum dinilai oleh generasi terdahulu. Al-‘Irāqī telah menyebut tiga tokoh sezaman Ibn al-Ṣalāḥ yang menilai hadith-hadith yang belum dinilai oleh generasi terdahulu iaitu: Ibn al-Qaṭṭān (meninggal tahun 628H), Ḍiyā’ al-Dīn al-Maqdisī (meninggal tahun 643H) dan ‘Abd al-‘Azīm al-Mundhirī (meninggal tahun 656H). beliau juga menyebut beberapa nama tokoh lagi yang hidup selepas zaman Ibn al-Ṣalāḥ dan mereka turut menilai beberapa hadith yang belum dinilai oleh generasi terdahulu (al-‘Irāqī, 1969).

Walaupun Ibn al-Ṣalāḥ menolak kewajaran penilaian hadith berdasarkan penelitian terhadap sanad pada zaman mutakhir, terdapat kenyataannya dalam sumber yang sama menunjukkan keharusan menilai hadith sebagai ḥasan atau mungkin juga sebagai da’if. Demikian kenyataan beliau ketika membicarakan tentang karya al-Ḥākim al-Naysābūrī:

" مَا حَكَمَ بِصِحَّتِهِ وَلَمْ نَجِدْ ذَلِكَ فِيهِ لغيرِهِ مِنَ الْأَثْمَةِ، إِنْ لَمْ يَكُنْ مِنْ قَبِيلِ الصَّحِيحِ فَهُوَ مِنْ قَبِيلِ الْحَسَنِ يُحْتَجُّ بِهِ وَيُعْمَلُ بِهِ، إِلَّا أَنْ تَطَهَّرَ فِيهِ عِلَّةٌ تُوجِبُ ضَعْفَهُ "

“Apa (iaitu hadith) yang dinilai sahih oleh beliau (iaitu al-Ḥākim) dan kita tidak menemui kenyataan sepertinya oleh para imam hadith, jika ia bukan tergolong dalam kategori hadith ṣaḥīḥ, ia adalah dalam kategori hadith ḥasan yang boleh dijadikan hujah dan sandaran amalan melainkan jika nyata padanya ‘illah yang menyebabkan ia dinilai da’if” (Ibn al-Ṣalāḥ, 2002). Menurut al-Sayuṭī (1994), golongan yang mengharuskan perbuatan menilai hadith sebagai ṣaḥīḥ, ia bermakna menilainya sebagai ḥasan adalah lebih patut diharuskan. Sesiapa yang melarang daripada menilai hadith sebagai ṣaḥīḥ, adalah berkemungkinan dia mengharuskan perbuatan menilai hadith sebagai ḥasan.

Walau bagaimanapun, Ibn al-Ṣalāḥ ketika mengatakan tidak wajar menilai hadith sebagai ṣaḥīḥ secara dirā’i, beliau bermaksud tiada kewajaran menilainya sebagai ḥasan juga seperti yang dinyatakan secara jelas dalam kenyataannya. Ia juga seperti bermaksud tiada kewajaran menilai hadith sebagai da’if secara dirā’i menurut Ibn al-Ṣalāḥ. Jika begitu, pandangan beliau tentang penilaian hadith secara dirā’i boleh dianggap bertentangan dengan ulasan beliau sendiri terhadap karya al-Ḥākim al-Naysābūrī.

### **Pandangan yang dipilih:**

Pandangan jumur dilihat lebih tepat dan ia telah menjadi amalan ahli hadith sehingga ke hari ini. Lambakan rujukan hadith yang meliputi pelbagai kategori seperti al-mutūn, al-shurūḥ, al-takhrīj, al-‘ilal, al-tarajim memudahkan lagi proses penilaian status hadith secara dirā’i pada hari ini. Tambahan pula, kewujudan perisian komputer, laman sesawang, buku digital atau atas talian memberi capaian yang hampir tiada sempadan kepada pengkaji hadith dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

### **Proses penilaian status hadith secara dirā’i:**

Penilaian secara dirā’i juga disebut sebagai i’tibār al-isnad atau dirasat al-isnad. Ia berasaskan analisis terhadap sanad hadith. analisis sanad melalui proses-proses berikut:

Penentuan hadith.

Penentuan rawī a'lā.

Takhrij hadith.

Mengenal pasti identiti dan status perawi.

Mengenal pasti kebersambungan sanad.

Mengenal pasti ketiadaan al-shudhūdh dan al-'illah.

Kesimpulan status sanad.

Analisis mutabi' dan shāhid.

Kesimpulan status hadith.

Pengkaji hadith perlu menentukan hadith yang mahu dinilai sebelum dilakukan analisis sanad. Jika terdapat lebih daripada seorang ṣaḥābī telah meriwayatkan sesebuah hadith, pengkaji perlu memilih hadith siapakah yang perlu dinilai sanadnya terlebih dahulu. Jika hal ini tidak dilakukan, sukar baginya menjalankan analisis sanad secara berfokus. Semua atau kebanyakan sanad hadith ṣaḥābī terpilih perlu dikumpul melalui proses takhrij. Setelah itu, sanad yang lebih tinggi perlu diutamakan bagi tujuan analisis dan penilaian.

Setiap perawi dalam sanad akan dipastikan identitinya melalui nama penuh (nama perawi, nasab, nisbah dan gelarannya), senarai guru dan murid. Hal ini memerlukan penelitian terhadap sanad dan kutub al-tarājim. Status perawi pula dipastikan melalui penelitian terhadap kenyataan ahli al-jarḥ wa al-ta'dīl tentangnya dan setiap hadith yang diriwayatkan olehnya. Penelitian terhadap kenyataan ahli al-jarḥ wa al-ta'dīl memerlukan pengetahuan tentang siapakan golongan yang berautoriti dalam al-jarḥ wa al-ta'dīl, metodologi mereka, maksud istilah al-jarḥ wa al-ta'dīl, sumber dan penyelarasan istilah jika berlaku pertembungan.

Kebersambungan sanad pula dipastikan melalui penelitian terhadap lafaz riwayat yang terdapat dalam sanad, senarai guru dan murid serta isu tadlīs, irsāl dan yang berkaitan dengannya.

Ketiadaan al-shudhūdh dan al-'illah pula dipastikan melalui perbandingan antara sanad hadith perawi, perbandingan antara riwayat perawi dengan riwayat perawi lain serta penelitian terhadap komentar sarjana hadith berkaitan 'illah dan shudhūdh. Komentar mereka boleh diperolehi melalui kutub al-'ilal, kutub al-tarājim, kutub al-shurūh, kutub al-takhrīj, kutub al-zawā'id dan al-aṭrāf.

Apabila semua langkah di atas dilakukan, kesimpulan tentang sanad yang dianalisis boleh dilakukan. Jika statusnya adalah di bawah ḥasan, analisis terhadap mutabi' dan shāhid perlu dilakukan bagi memastikan adakah sanad atau hadith tersebut boleh dinaik taraf menjadi ḥasan atau sebaliknya.

Dalam hal menentukan status hadith melalui analisis terhadap sanad, kesimpulan setiap pengkaji mungkin berbeza daripada pengkaji yang lain. Hal tersebut mungkin disebabkan beberapa faktor seperti:

1. Capaian yang berbeza terhadap sumber.
2. Pemahaman yang berbeza terhadap istilah golongan terdahulu.
3. Penafsiran yang berbeza terhadap kaedah atau istilah golongan terdahulu.

Namun, perbezaan tersebut bukanlah satu keaiban selagi mana analisis terhadap sanad dilakukan secara betul dan sempurna. Ia termasuk dalam kategori ijtihad dalam hal yang dibenarkan syara'. Apabila seorang yang berautoriti melakukan ijtihad, dia tetap memperoleh pahala walaupun keputusannya adalah tersasar daripada kebenaran.

**Gabungan kaedah naqlī dan dirā'ī dalam penilaian status hadith:**

Bagi memperoleh keputusan yang lebih tepat dan betul dalam penilaian status hadith, kedua-dua cara di atas perlu digabungkan. Pengkaji hadith boleh sahaja memulakan dengan mana-mana daripada dua cara tersebut. Dirāsat al-isnād mungkin boleh menjelaskan mengapa golongan terdahulu menilai sesebuah hadith dengan status tertentu atau menunjukkan maklumat yang mereka terlepas pandang mengenainya. Pengenal pastian status hadith secara naqlī pula mungkin boleh dijadikan kayu pengukur sejauh mana seseorang pengkaji yang melakukan dirāsat al-isnād mampu menilai hadith seperti golongan terdahulu. Selain itu, dirāsat al-Isnād mungkin boleh dimanfaatkan ketika perlu melakukan pentarjihan ketika wujud pertembungan antara sarjana hadith dalam penilaian hadith.

### **Penggunaan ICT dalam penilaian status hadith:**

Pada era digital, penilaian status hadith masih lagi giat dilakukan oleh para pengkaji sama ada secara manual atau dengan memanfaatkan teknologi informasi dan komunikasi semasa (ICT). Ia dapat dilihat dalam dua bentuk:

1. Bahan bercetak.
2. Bahan digital.

Contoh bahan bercetak ialah buku-buku takhrij yang dihasilkan oleh tokoh hadith semasa seperti takhrij Musnad Ahmad, Sunan Abū Dāwūd, Sunan Ibn Mājah oleh Shu'ayb al-Arna'ūt, Silsilat al-Aḥādīth al-Sahīḥah, Silsilat al-Aḥādīth al-Ḍa'īfah, Irwā' al-Ghalīl oleh Naṣir al-Dīn al-Albānī. Contoh bahan digital pula ialah buku-buku dalam format pdf, laman sesawang (web page), perisian komputer (software) dan aplikasi telefon pintar (smartphone apps) yang menyediakan khidmat carian hadith dan hal-hal yang berkaitan seperti huraian teks, takhrij dan status hadith.

### **Faktor-faktor yang melancarkan penilaian hadith melalui ICT:**

Menurut penulis, penelitian status hadith menerusi kaedah naqlī, dirā'ī atau gabungan kedua-duanya masih lagi relevan dan boleh dijalankan pada era digital. Malah ia menjadi semakin mudah disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

#### **1. Lambakan rujukan hadith bercetak:**

Hampir semua manuskrip sumber utama hadith telah melalui proses taḥqīq (kodikologi & filologi) dan diterbitkan secara fizikal. Rujukan dalam kategori al-shurūḥ, al-takhrij, al-tarājim, al-'ilal juga banyak telah melalui proses yang sama. Dengan lambakan bahan bercetak ini, pengkaji boleh memperoleh semua maklumat tentang sesuatu hadith sama ada yang berkaitan dengan teks mahupun sanad. Golongan yang melakukan suntingan terhadap manuskrip-manuskrip berkenaan juga ada yang melakukan takhrij dan ia dilampirkan sebagai nota kaki dalam buku-buku bercetak. Hal ini banyak membantu proses penilaian status secara naqlī.

#### **2. Perisian komputer:**

Terdapat beberapa perisian komputer yang sangat membantu dalam operasi takhrij dan penelitian status hadith. Sebahagian daripadanya boleh dimuat turun dan dipasang dalam peranti peribadi secara percuma. Contoh perisian tersebut ialah al-Maktabat al-Shāmilah, Jawāmi' al-Kalim dan al-Jāmi' al-Kabīr li al-Turāth al-Islāmī. Ketiga-tiga perisian ini adalah perpustakaan maya yang boleh digunakan secara luar talian (offline) apabila ia dipasang dan diaktifkan dalam peranti pengguna. Namun, penggunaan al-Maktabat al-Shāmilah dilihat lebih meluas dalam kalangan pengguna disebabkan ia boleh dimuat turun secara percuma, mengandungi banyak rujukan dan mesra pengguna berbanding Jawāmi' al-Kalim. Perisian al-Jāmi' al-Kabīr juga mengandungi banyak rujukan dan menawarkan carian yang pantas tetapi ia adalah perisian berbayar dan memerlukan driver khusus bagi mengaktifkannya. Oleh itu, penggunaannya dalam kalangan pengkaji hadith tidak serancak al-Maktabat al-Shāmilah.

#### **3. Laman sesawang atas talian:**

Terdapat juga beberapa laman sesawang yang menyediakan khidmat carian matan, huraian dan status hadith. Sebahagiannya turut menyediakan rujukan berkaitan perawi hadith dan istilah-istilah ilmu hadith selain menyediakan takhrij bagi hadith yang dicari. Antara laman sesawang tersebut ialah al-Dorar al-Saniyyah, Muslim scholars Database dan al-Jamharah (islamic-content.com).

#### **4. Aplikasi hadith:**

Terdapat juga beberapa aplikasi yang boleh dimuat turun dalam telefon pintar seperti al-Bāḥith al-Ḥadīthī yang menyediakan khidmat carian teks hadith berserta rujukan. Ia juga menyatakan status bagi sebahagian hadith dan hal ini memudahkan proses penilaian secara naqlī.

#### **5. Buku digital:**

Terdapat laman sesawang yang menyediakan khidmat muat turun buku pdf secara percuma seperti al-waqfeya.com. Pelayar boleh memuat turun rujukan hadith yang dikehendaki dan ia akan menyediakan dua jenis fail iaitu format pdf dan e-book. Apa yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah menyediakan ruang khusus dalam perantarnya bagi menyimpan buku-buku yang telah dimuat turun. Ia boleh dibuka dan digunakan dalam kajian hadith walaupun tanpa menggunakan internet.

#### **Proses pengenalan pastian status hadith menggunakan ICT:**

Pengenalan pastian status hadith secara naqlī boleh dilakukan melalui al-Maktabat al-Shāmilah, Jawāmi' al-Kalim, al-Jāmi' al-Kabīr dan lain-lain perisian yang sesuai. Pengguna boleh memilih kategori yang sesuai dalam al-Maktabat al-Shāmilah seperti al-mutūn, al-Takhrīj, al-'ilal dan al-shurūḥ seterusnya melakukan carian. Dia juga boleh memilih rujukan tertentu daripada kategori-kategori tersebut dan seterusnya melakukan carian. Salah satu keistimewaan perisian komputer ialah menawarkan carian yang pantas dalam kiraan satu atau beberapa detik. Seterusnya pengguna boleh membuat penelitian dan saringan bagi mendapatkan kenyataan sarjana tentang sesebuah hadith melalui hasil carian yang disenaraikan.

Selain perisian komputer, pengenalan pastian status hadith juga boleh dilakukan melalui al-Dorar al-Saniyyah dan laman-laman sesawang yang sesuai. Sebagai contoh, pelayar boleh memilih al-mawsū'at al-ḥadīthīyah dalam web al-Dorar dan memasukkan kata kunci daripada teks hadith yang dicari. Hasil carian akan memaparkan teks hadith secara berbaris atau sebaliknya – bergantung kepada tetapan yang dibuat oleh pelayar sendiri – berserta info perawi teratas, sumber, penilai, status hadith, nombor hadith, pautan hadith yang sinonim dan pautan huraian hadith. Hasil carian juga terbahagi kepada dua kategori iaitu untuk golongan awam dan golongan pakar. Apa yang perlu dilakukan oleh pelayar ialah mengesahkan info-info tersebut melalui rujukan bercetak atau pdf bagi memastikan perujukan yang dilakukan adalah betul dan tepat.

Aplikasi hadith yang dibangunkan untuk pengguna telefon pintar seperti al-Bāḥith al-ḥadīthī dan al-Dorar al-saniyyah juga boleh dimanfaatkan bagi tujuan mengenal pasti status hadith secara naqli. Pengguna perlu mempunyai data internet atau memiliki akses wifi bagi menggunakan aplikasi tersebut. Dalam al-Bāḥith al-Ḥadīthī, pengguna hanya perlu menaip kata kunci daripada teks hadith yang dicari, seterusnya hasil carian akan terpapar dalam bentuk teks hadith daripada pelbagai sumber berserta nombor hadith, dan status daripada pengarang kitab atau muḥaqiq dan ia memudahkan proses pengenalan pastian status hadith secara naqli. Pengguna hanya perlu melakukan pengesahan melalui rujukan bercetak atau pdf jika ingin memasukkan info tersebut dalam kajian atau penulisan ilmiyyah.

Buku digital sama ada dalam format pdf atau e-book adalah sama nilainya dengan versi asal iaitu buku bercetak dan ia boleh digunakan dalam penulisan dan kajian ilmiyyah. Jika menyimpan buku pdf memiliki pengetahuan tentang sumber-sumber yang diperlukan dalam mengenal pasti status hadith secara naqlī, dia boleh membuat koleksi berdasarkan rujukan hadith-hadith ṣaḥīḥ, hadith-hadith ḍa'īf, hadith-hadith mawḍū', buku-buku yang mengandungi



status hadith seperti yang telah dijelaskan sebelumnya.

### **Proses penilaian status hadith menggunakan ICT:**

Penilaian status hadith secara *dirā'ī* juga boleh dilakukan melalui al-Maktabat al-shāmilah, al-Jami' al-kabīr, jawāmi' al-kalim dan perisian-perisian komputer yang sesuai. Pengguna hanya perlu memilih kategori yang sesuai dalam al-Maktabat al-Shāmilah seperti al-tarājim wa al-ṭabaqāt, al-tārīkh dan al-ansab, seterusnya melakukan carian dengan memasukkan nama perawi yang mahu dianalisis. Dia juga boleh rujukan yang sesuai dalam kategori-kategori tersebut, seterusnya melakukan carian perawi. Melalui senarai carian, pengguna boleh melakukan penelitian dan saringan berdasarkan maklumat yang diperlukan seperti nama, senarai guru, senarai murid, kenyataan ahli al-jarḥ wa al-ta'dīl dan tarikh wafat. Maklumat berkaitan sanad boleh juga diperolehi dalam rujukan seperti al-marasīl, al-mudallisīn dan lain-lain yang disediakan dalam al-Maktabat al-Shāmilah dan perisian-perisian hadith yang lain.

Selain itu, laman sesawang seperti Muslim scholars Database juga boleh digunakan bagi tujuan penilaian status hadith secara *dirā'ī*. Pengguna hanya perlu memasukkan nama perawi yang dicari dan melakukan penelitian dan penyaringan daripada hasil carian yang terpapar. Laman web Muslim scholars Database menyediakan maklumat perawi berdasarkan rujukan perawi yang muktabar seperti Tahdhīb al-Kamāl dan lain-lain. Pada paparan hasil carian akan disediakan info berkaitan nama, nasab, senarai guru, senarai murid, status perawi, tarikh lahir, tarikh wafat dan sumber hadith yang diriwayatkan.

Buku-buku digital dalam format pdf dan e-book juga boleh dimanfaatkan sebagai rujukan dalam proses penelitian status hadith secara *dirā'ī*.

### **Aplikasi hadith bagi orang awam:**

Selain perisian komputer, laman sesawang dan aplikasi yang dinyatakan di atas, terdapat juga inisiatif daripada badan-badan tertentu dalam menyediakan aplikasi hadith bagi kegunaan masyarakat awam seperti semakhadith.com, mutiara hadis (sigir.uitm.edu.my), smart hadith dan Portal myHadith. Aplikasi-aplikasi ini boleh digunakan oleh golongan yang tiada asas dalam bahasa arab bagi tujuan mencari hadith daripada sumber yang dipercayai berserta statusnya.

### **Kesimpulan:**

Status hadith menurut ahli hadith ialah *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *ḍa'īf* dan *mawḍū'*. Penilaian status hadith sejak zaman berzaman adalah secara naqli, *dirā'ī* atau gabungan kedua-duanya dengan berpandukan sumber dan rujukan yang dipercayai di sisi ahli hadith. walaupun terdapat isu tentang kewajaran penilaian status hadith melalui *dirāsāt al-isnād*, pandangan yang terpilih dan menjadi amalan ahli hadith hingga kini ialah *dirāsāt al-isnād* perlu dilakukan selain penentuan status secara naqli bagi memperolehi keputusan yang tepat tentang status hadith selain ia berguna dalam pentarjihan pendapat dan pemahaman maksud golongan terdahulu. Kedua-dua kaedah penilaian ini masih lagi relevan pada era digital malah menjadi semakin mudah disebabkan wujud perisian-perisian komputer, laman-laman sesawang, buku-buku digital dan aplikasi-aplikasi mesra pengguna yang boleh dimanfaatkan dalam kajian hadith. Sebahagian daripada usaha-usaha inovasi ini berguna dalam pengenalan pastian status hadith secara naqli dan sebahagian yang lain sesuai dimanfaatkan dalam kajian *dirāsāt al-isnād*. Masyarakat awam yang tiada asas bahasa arab juga boleh memanfaatkan aplikasi hadith yang direka khas buat mereka oleh pihak NGO dan badan-badan kerajaan seperti Jakim dan lain-lain.

### **Rujukan:**

Al-Zahrānī, M.M. (1996). *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawīyah Nash'atuhu wa Taṭawwuruha min al-Qarn al-Awwal ilā Nihāyat al-Qarn al-Tāsi' al-Hijrī* (pp. 25-32). KSA: Dār al-Hijrah li al-

Nashr wa al-Tawzī'.

Muslim Ibn al-Ḥajjāj. (1955). Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ‘an Rasūl Allāh (pp. 15). Cairo: Maṭba‘at ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.

Abd al-Muhdī, A.A. (2007). Ṭuruq al-Ḥukm ‘alā al-Ḥadīth bi al-Ṣiḥḥah aw al-Ḍa‘f (pp. 46). Cairo: Maktabat al-Īmān li al-Ṭibā‘at wa al-Nashr wa al-Tawzī’.

Abū Dāwūd, Sulaymān A. (t.t). Risālat Abī Dāwūd ilā Ahl Makkah wa Ghayrihim fī Waṣf Sunanih (pp. 25-27). Beirut: Dār al-‘Arabīyah.

Al-Sakhāwī, Shams al-Dīn M. (1993). Bughyat al-Rāghib al-Mutamannī fī Khatm al-Nasā’ī (pp. 48-50). Riyadh: Maktabat al-‘Ubaykān.

Al-Khaṭṭābī, Ḥamd M. (1988). A’lām al-Ḥadīth. KSA: Jāmi‘at Umm al-Qurā.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī A. (1959). Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

Al-Zayla‘ī, Jamāl al-Dīn A. (1997). Naṣb al-Rāyah li Aḥādīth al-Hidāyah. Beirut: Mu‘assasat al-Rayyān.

Al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn A. (2005). Al-Mughnī ‘an Ḥaml al-Asfār fī al-Asfar fī Takhrīj ma fī al-Iḥyā’ min al-Āthār. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn A. (1969). Al-Taqyīd wa al-Īdāh Sharḥ Muqaddimat Ibn al-Ṣalāh. KSA: al-Maktabat al-Salafīyah.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī A. (2007). Al-Talkhīṣ al-Ḥabīr. Egypt: Dār Aḍwā’ al-Salaf.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī A. (1984). Al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh (pp. 266-273). KSA: al-Jāmi‘at al-Islāmīyah.

Al-Mundhirī Abd al-‘Azīm A. (1968). Al-Tarḡīb wa al-Tarḥīb fī al-Ḥadīth al-Sharīf. Egypt: Maktabat Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Al-Nawawī, Yaḥya S. (2007). Riyadh al-Ṣāliḥīn. Beirut: Dār Ibn Kathīr.

Al-Nawawī, Yaḥya S. (1994). Al-Azkār. Beirut: Dār al-Fikr.

Al-Nawawī, Yaḥya S. (2009). Al-Arba‘ūn al-Nawawīyah. Beirut: Dār al-Minhāj.

Al-Nawawī, Yaḥya S. (1985). Al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma‘rifat Sunan al-Bashīr al-Nadhīr fī Usūl al-Ḥadīth. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Biqā‘ī, Alī N. (2009). Manāhij al-Muḥaddithīn al-‘Ammah wa al-Khassah (pp. 157). Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmīyah.

Al-Tirmidhī, Muḥammad I. (1996). Al-Jāmi‘ al-Kabīr. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Darwīsh, M. (2013). ‘Ilm Zawā‘id al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf. *Majallat al-Jinān*. 4. 165-176.

Al-Haythamī, Nūr al-Dīn A. (1994). Majma’ al-Zawā‘id wa Manba’ al-Fawā‘id. Cairo: Maktabat al-Qudsī.

Al-Būshīrī, Abū al-‘Abbās S. (1982). Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zawā‘id Ibn Mājah. Beirut: Dār al-‘Arabīyah.

Al-Kattānī, Abū ‘Abd Allah M. (2000). Al-Risālat al-Mustatṭirifah li Bayān Mashhūr Kutub al-Sunnah al-Musharrafah (pp. 147). Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmīyah.

Ibn ‘Adī, Abū Aḥmad. (1997). Al-Kāmil fī Ḍu‘afā’ al-Rijāl. Beirut: al-Kutub al-‘Ilmīyah.

Ibn al-Ṣalāh, Abū ‘Amr Uthmān A. (2002). Ma‘rifat Anwā’ ‘Ilm al-Ḥadīth (pp. 83). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah.

Aḥmad Shākīr. (2013). Al-Bā‘ith al-Ḥathīth Sharḥ Ikhtīṣār ‘Ulūm al-Ḥadīth. Beirut: Dār Ibn al-Jawzī.

Al-Suyūfī, Jalāl al-Dīn. (1994). Tadrīb al-Rāwī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī. Riyāḍ: Maktabat al-Kawthar.